

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]
TARIKH : 25.11.2015 (RABU)

DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan statistik peniaga yang telah didakwa di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 semenjak dasar GST diperkenalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Sebanyak **157** kertas siasatan melibatkan kesalahan pencatutan telah dibuka di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu **106** kertas siasatan di bawah Seksyen 14(1) kerana **mencatut**, **46** kertas siasatan di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan 5 kertas siasatan di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan rekod perniagaan**. Daripada jumlah ini, sebanyak **15 kes telah didakwa di Mahkamah Khas Antipencatutan** di mana 12 kes telah disabit kesalahan masing-masing 8 kes di bawah Seksyen 14(1), dan 7 kes di bawah Seksyen 21 dengan jumlah keseluruhan denda **RM415,500**. Manakala 2 kes lagi masih dalam proses pendakwaan di Mahkamah: Sebanyak **13 kes telah dikompaun** iaitu masing-masing 10 kes di bawah Seksyen 14(1) dan 3 kes di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 dengan jumlah keseluruhan kompaun **RM535,000**.